Mahasiswa perlu utamakan kecemerlangan dalam pelajaran

UM 28 MAY 2002

BANGI 27 Mei – Mahasiswa perlu menetapkan keutamaan semasa berada di universiti agar tidak terpesong dengan kegiatan lain yang menjejaskan matlamat mereka untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Khalid Yunos berkata, dalam persaingan dunia yang semakin hebat sekarang, mereka tidak boleh sekadar lulus tetapi perlu mencapai keputusan cemerlang.

"Oleh itu mahasiswa perlu memahami peranan mereka ialah untuk belajar.

"Mereka perlu berhati-hati dengan perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan soal akademik kerana memang banyak pihak yang berminat dengan kedudukan mereka sebagai pelajar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ceramah kenegaraan sempena Minggu Suai Kenal Sesi 2002/2003 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini malam ini.

Sementara menunaikan tanggungjawab sebagai pelajar, Khalid tidak menolak dakwaan bahawa mahasiswa juga perlu memahami senario yang berlaku dalam negara termasuk dasar-dasar yang dilaksanakan kerajaan.

Penting

Ini kerana katanya, memahami latar belakang dan dasar-dasar kerajaan penting untuk menyediakan mereka sebagai pemimpin yang berkesan pada masa depan.

Menurutnya, kerajaan tidak pernah menyekat mahasiswa cenderung melontarkan pandangan dan kritikan terhadap dasar-dasar kerajaan asalkan disampaikan secara tertib dan munasabah.

Sebaliknya yang menimbulkan masalah katanya, ialah mahasiswa memberikan reaksi yang melampau terhadap sesuatu isu atau keadaan.

Sedangkan tegas beliau, kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengamalkan sikap terbuka terhadap kritikan dan pandangan orang ramai.

Khalid menarik perhatian terhadap dasar-dasar pendidikan termasuk sistem meritokrasi dalam pengambilan pelajar ke universiti juga tidak diputuskan kerajaan tanpa mengambil kira pandangan rakyat.

"Justeru mahasiswa jangan begitu cepat terpesona dengan cakap-cakap yang begitu hebat dan menarik sebaliknya perlu berupaya menganalisis fakta sebenar," katanya.